


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Kod Nilai dan Etika Warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan dokumen penting yang menjadi panduan disiplin dan nilai etika bagi seluruh warga UiTM merangkumi pengurusan, staf akademik, pentadbiran dan pelajar. Diterbitkan pada Julai 2020, dokumen ini bukan sahaja menyenaraikan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh warga UiTM, tetapi juga mencerminkan aspirasi UiTM dalam membentuk budaya kerja yang berasaskan profesionalisme, integriti dan nilai-nilai positif. Ulasan ini bertujuan menilai struktur, kandungan, dan keberkesanan dokumen tersebut dalam membentuk warga UiTM yang beretika dan bertanggungjawab.

Kod Nilai Dan Etika UiTM: Panduan Membentuk Warga Universiti Berintegriti

Muhammad Izwan Ikhsan
Pensyarah Fakulti Undang-undang

ETHICS

What is right? And what is wrong most people do not ask themselves as often as they might, though puzzled over them since ancient times as the conclusions which they have be called a science, they form the ethics.

Ethics can be looked at from either different points of view. We can say that what is wrong according to one point of view is right according to another.

Struktur dan Kandungan Dokumen

Dokumen ini disusun dengan sistematis bermula dengan pengenalan kepada nilai dan etika, diikuti dengan prinsip-prinsip utama seperti moto, visi, misi, dan falsafah UiTM. Ia kemudian memperincikan skop dan objektif kod, nilai-nilai teras universiti, tanggungjawab warga, serta pelbagai isu etika dan peraturan yang perlu dipatuhi. Secara ringkasnya, dokumen ini dimulakan dengan prinsip-prinsip secara makro sebelum diperincikan secara mikro. Antara topik penting yang dimuatkan dalam dokumen ini termasuk:

- *Konflik kepentingan*
- *Gangguan seksual dan hubungan terlarang*
- *Penglibatan dalam politik*
- *Pengisytiharaan harta*
- *Pematuhan kepada undang-undang dan perjanjian*
- *Penyebaran fitnah dan pemalsuan dokumen*
- *Perkhidmatan kaunseling*

Kepelbagaian subjek yang disentuh dalam dokumen ini menunjukkan bahawa dokumen ini bersifat komprehensif dan holistik.

Nilai Teras dan Prinsip Etika

Kod ini menekankan tiga nilai utama UiTM: Kecemerlangan (Excellence), Sinergi (Synergy), dan Integriti (Integrity), yang diringkaskan sebagai ESI. Nilai-nilai ini disokong oleh prinsip i-DART: Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, dan Tanggungjawab. Gabungan ESI dan i-DART membentuk asas kepada budaya kerja UiTM. Ia menekankan bahawa kejayaan organisasi bukan hanya bergantung kepada sistem dan teknologi, tetapi juga kepada keperibadian dan nilai warganya. Ini selaras dengan falsafah pendidikan yang holistik dan berteraskan pembangunan modal insan.

Tanggungjawab Warga UiTM

Secara amnya, warga UiTM bertanggungjawab untuk menghayati dan berpegang teguh kepada ESI dan i-DART. Dokumen ini memperincikan tanggungjawab warga UiTM dalam pelbagai aspek, termasuk:

- *Menjunjung nama baik universiti*
- *Menjalankan tugas dengan amanah dan cekap*
- *Menghormati kebebasan berfikir dan bersuara*
- *Mematuhi peraturan dan dasar universiti*

Penekanan terhadap tanggungjawab ini penting dalam membentuk budaya kerja yang profesional dan beretika. Ia juga menunjukkan bahawa setiap individu memainkan peranan dalam menjaga reputasi dan nama baik institusi.

Isu Etika dan Perundangan

Kod ini turut memperincikan isu etika dan perundangan yang boleh berlaku dalam sebuah organisasi yang besar seperti UiTM termasuk:

Konflik kepentingan: Staf dilarang menggunakan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi atau keluarga. Panduan jelas diberikan termasuk kategori “kod merah” bagi staf yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pelajar atau calon jawatan. Tindakan boleh diambil di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Bagi menguruskan konflik kepentingan, staf yang terlibat perlu membuat pengisytiharan kepada ketua jabatan.

Gangguan seksual dan hubungan terlarang: Dokumen ini menegaskan larangan terhadap sebarang bentuk gangguan seksual, sama ada secara lisan, visual, fizikal, atau psikologi. Warga UiTM perlu menjaga batasan dan tatasusila sepanjang masa dengan tidak mengadakan hubungan terlarang sesama staf atau pelajar.

Penglibatan dalam politik: Staf pengurusan tertinggi dan profesional dilarang terlibat secara aktif dalam politik, manakala staf pelaksana perlu mendapatkan kelulusan bertulis. Ini penting bagi mengekalkan neutraliti dan profesionalisme institusi selain mengelakkan pengaruh politik daripada menjejaskan imej institusi.

Pernyataan awam: Menyedari bahawa setiap individu mempunyai kebebasan bersuara, kod ini turut memperingatkan warga supaya memberikan pandangan sama ada secara lisan atau bertulis dengan cara berhemah dan beradab.

Jenayah: Kod ini memperingatkan warga agar tidak terlibat dengan jenayah yang akan mencemar nama baik UiTM seperti terlibat dengan dadah, mencuri, rasuah dan berkaitan dengannya.

Pengisytiharan harta dan liabiliti: Seseorang staf UiTM diwajibkan mengisytiharkan harta dan liabiliti sekali dalam tempoh 5 tahun atau apabila diarahkan / dikehendaki oleh universiti. Ini membantu pihak universiti mengenal pasti sebarang potensi konflik kepentingan serta memastikan bahawa staf tidak menyalahgunakan kedudukan mereka untuk kepentingan peribadi. Ia juga selari dengan usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memastikan penjawat awam tidak hidup mewah secara tidak munasabah.

Penerimaan hadiah/ keraian: Staf UiTM dilarang daripada memberi atau menerima hadiah / keraian sekiranya berkaitan dengan tugas rasminya di mana amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud nilai hadiah itu diberikan. Hal ini boleh dianggap sebagai cubaan mempengaruhi keputusan, seperti dalam urusan perolehan, penilaian, atau kenaikan pangkat.

Urusan akademik: Pensyarah UiTM wajib melaksanakan tugas akademik berdasarkan Amanah Tugas Pensyarah (ATP), yang menetapkan minimum 39 jam seminggu. Tugas ini diagihkan kepada empat kategori utama: pengajaran; penyeliaan; penyelidikan, penerbitan dan perundangan; dan perkhidmatan dan pentadbiran. Hal ini penting bagi memastikan pensyarah melaksanakan tanggungjawab secara sistematik dan seimbang dalam semua aspek akademik untuk melahirkan graduan berkualiti dan membina reputasi sebagai universiti terkemuka dunia.



Urusan penyelidikan:

Penyelidikan beretika penting untuk memastikan hasil kajian yang asli, berkualiti dan boleh dipercayai. Ia mesti dijalankan dengan jujur, berintegriti dan bebas daripada konflik kepentingan. Penyelidik perlu menghormati subjek kajian seperti manusia, haiwan dan alam sekitar. Dana penyelidikan hendaklah digunakan secara berhemah dan telus. Semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan perlu diberi pengiktirafan sewajarnya.

Pengaruh luar:

Staf UiTM dilarang membawa atau cuba membawa pengaruh luar untuk menyokong sebarang tuntutan terhadap universiti. Larangan ini merangkumi tuntutan peribadi atau bagi pihak staf lain. Contoh tuntutan termasuk urusan kenaikan pangkat, pertukaran tempat kerja, dan permohonan biasiswa. Pengaruh luar boleh datang daripada individu berpengaruh atau pihak berkepentingan. Tindakan ini dianggap tidak beretika dan boleh menjejaskan integriti keputusan universiti.

Meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja dan pemalsuan dokumen:

Staf UiTM diwajibkan mematuhi peraturan keberadaan di pejabat dan tidak meninggalkan tempat kerja tanpa kebenaran yang sah. Mereka juga dilarang mengemukakan dokumen atau tuntutan palsu seperti sijil sakit, resit, atau menggunakan kepala surat jabatan untuk tujuan peribadi, kerana perbuatan ini merupakan kesalahan jenayah. Tujuan utama larangan ini adalah untuk memastikan disiplin kerja, menjaga integriti perkhidmatan, dan melindungi reputasi UiTM sebagai institusi yang beretika dan bertanggungjawab.

Fitnah/tohmahan: Fitnah merujuk kepada perbuatan yang boleh menjatuhkan maruah, merosakkan reputasi, dan mencemarkan kredibiliti seseorang, seperti yang ditakrifkan dalam Akta Fitnah 1957. UiTM tidak akan menerima sebarang bentuk penyebaran fitnah atau tuduhan tidak berasas yang boleh menjejaskan imej pelajar, staf, atau institusi. Tujuan polisi ini adalah untuk melindungi keharmonian komuniti kampus, menjaga nama baik universiti, dan memastikan penggunaan media sosial serta komunikasi awam dilakukan secara beretika dan bertanggungjawab.

Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan: Staf diwajibkan mematuhi semua peraturan, termasuk Akta UiTM 1976, Akta 605, dan undang-undang negara, termasuklah pekeliling dalaman UiTM. sebarang pelanggaran boleh dikenakan tindakan tatatertib.



Keberhutangan yang serius: Staf UiTM dikehendaki memastikan diri mereka tidak berada dalam keterhutangan kewangan yang serius sehingga boleh menjejaskan nama baik universiti. Tujuan utama larangan ini adalah untuk menjaga reputasi institusi, mengelakkan risiko salah laku seperti rasuah, serta memupuk tanggungjawab kewangan dalam kalangan warga universiti. Pengurusan kewangan peribadi yang berhemah mencerminkan integriti dan profesionalisme staf dalam melaksanakan amanah.

Pendekatan Pendidikan dan Pencegahan

Salah satu kekuatan utama dokumen ini ialah pendekatannya yang bukan hanya menghukum, tetapi juga mendidik. Contohnya:

- *Perkhidmatan Kaunseling disediakan untuk membantu staf menghadapi tekanan kerja atau isu peribadi.*
- *Pengisytiharan Harta dan Liabiliti diwajibkan setiap lima tahun untuk meningkatkan ketelusan.*
- *Pekeliling dan Garis Panduan disertakan sebagai rujukan tambahan.*

Pendekatan ini menunjukkan bahawa UiTM tidak hanya menekankan pematuhan, tetapi juga pembangunan sahsiah dan kesejahteraan warga.

Cadangan Penambahbaikan Kod Etika

Walaupun Kod Nilai dan Etika UiTM merupakan dokumen yang baik bagi memberikan kefahaman kepada warga UiTM dengan jelas akan prinsip-prinsip dan isu-isu etika, penulis mencadangkan beberapa penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan, seperti:



Penambahan bahagian khusus untuk pelajar: Walaupun pelajar termasuk dalam takrif “warga UiTM”, kandungan lebih tertumpu kepada staf. Justeru, pengwujudan seksyen khusus yang menjelaskan tanggungjawab etika pelajar dalam konteks akademik, disiplin, dan interaksi sosial boleh dipertimbangkan.

Penambahan senario atau ilustrasi kes: Penjelasan dalam kod ini bersifat umum. Justeru, seperti mana Akta atau dokumen perundangan, penambahan contoh situasi sebenar atau simulasi kes etika boleh membantu pemahaman dan aplikasi nilai dalam konteks harian.

Penekanan kepada etika digital dan media sosial: Dasar media sosial disentuh secara ringkas di dalam kod etika ini. Oleh itu, Dasar media dicadangkan agar ditambah garis panduan khusus berkaitan etika penggunaan media sosial, keselamatan siber, dan penyebaran maklumat palsu secara maya.

Latihan dan penilaian etika: Melalui Unit Integriti dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), UiTM menyediakan latihan berkala seperti: taklimat integriti dan etika kerja; bengkel pengurusan konflik kepentingan; dan latihan pematuhan tatacara kewangan dan pentadbiran. Walaupun begitu, kod etika ini tidak mengandungi peruntukan berkaitan mekanisme pemantauan penghayatan kod etika. Justeru, adalah dicadangkan klausa berkaitan latihan dan penilaian etika diperuntukkan secara jelas di dalam kod ini.





Kesimpulan

Kod Nilai dan Etika Warga UiTM merupakan dokumen penting yang mencerminkan komitmen universiti terhadap integriti, profesionalisme, dan kecemerlangan. Ia bukan sahaja menjadi panduan tingkah laku, tetapi juga alat pendidikan dan pembangunan sahsiah. Dengan penghayatan dan pelaksanaan yang konsisten, kod ini mampu membentuk budaya kerja yang positif dan menyumbang kepada kecemerlangan UiTM sebagai institusi pengajian tinggi terkemuka.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.